

13 AUG 1996

Mahathir-Kesatuan

PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA TIDAK FAHAM KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masih ada pemimpin kesatuan sekerja tempatan yang tidak faham mengenai Persyarikatan Malaysia walaupun konsep itu sudahpun dilancarkan sejak awal 80-an.

Perdana Menteri berkata, ketidakfahaman pemimpin kesatuan sekerja itu dikesan daripada reaksinya kepada hasrat kerajaan untuk melihat kesatuan-kesatuan sekerja memainkan peranan lebih aktif bagi menjayakan konsep Persyarikatan Malaysia.

"Nampak union (kesatuan sekerja) tidak faham. Mereka anggap menyertai Malaysia Inc (Persyarikatan Malaysia) bermakna membenarkan mereka berniaga," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri sempena pertandingan Johan Kemahiran Malaysia Ketujuh di Maktab Perguruan Teknik, Cheras, di sini hari ini.

Hujung bulan lepas, Presiden Cuepacs, Encik Mohamed Mat Jid berkata, kerajaan perlu meminda Akta Kesatuan Sekerja bagi membolehkan kesatuan-kesatuan sekerja menceburi bidang perniagaan jika mahukan mereka turut memainkan peranan aktif dalam menjayakan konsep Persyarikatan Malaysia.

Kenyataan Mohamed itu merupakan reaksi kepada ucapan Dr Mahathir, ketika merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi, yang mahukan kesatuan sekerja memainkan peranan yang diperlukan bagi menjayakan konsep itu.

Perdana Menteri berkata, Persyarikatan Malaysia bertujuan memupuk perkongsian antara perkhidmatan awam, sektor swasta dan pemimpin politik yang berusaha untuk menjayakan Malaysia dalam pelbagai bidang melalui konsep sebuah syarikat.

"Ia tiada kena mengena dengan berniaga. Cuma mereka (kesatuan sekerja) menolong menjayakan negara kita dengan bekerja lebih kuat, meningkatkan kecekapan, bekerjasama dengan majikan, kerajaan dan ahli politik untuk menjayakan negara, bukan membenarkan mereka memasuki bidang perniagaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila Malaysia berjaya seperti sebuah syarikat, setiap lapisan masyarakat turut menikmati hasil kejayaan itu.

Dalam hal ini, beliau berkata, kerajaan memperolehi keuntungan dari segi pungutan cukai, sektor swasta mendapat keuntungan perniagaan dan pekerja pula boleh mendapat kenaikan upah.

Katanya, kerajaan berhasrat membawa wakil kesatuan sekerja menyertai misi perdagangan di luar negara pada masa hadapan tetapi mereka hendaklah bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan menarik pelabur asing.

Perdana Menteri berkata, seorang wakil kesatuan sekerja pernah mengikuti misi perdagangan ke luar negara suatu ketika dulu tetapi wakil itu lebih suka bercakap mengenai hak pekerja seperti soal gaji, syarat pekerjaan dan pelbagai tuntutan lain sehingga menakutkan pelabur.

"Kita patut kata kita sanggup bekerjasama, bekerja kuat, sanggup belajar dan kita akan tentukan pelabur akan mendapat untung yang banyak.

"Lepas itu bila dia dapat untung yang banyak, barulah dia boleh bayar kita banyak sikit. Ini tidak, dia pergi beritahu hak mereka sahaja," katanya.

Ketika ditanya mengenai pertemuannya dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di Jabatan Perdana Menteri petang tadi, beliau berkata, Nik Aziz meminta kerjasama Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan beberapa projek di negeri itu.

Dr Mahathir berkata, Nik Aziz juga menyentuh mengenai keadaan politik di Kelantan tetapi Kerajaan Persekutuan berpendapat ia merupakan masalah PAS dan Semangat 46.

-- BERNAMA

AH AHH